

IMPLIKATUR DALAM KESANTUNAN BERBAHASA: ANALISIS TEORI RELEVANS

¹Mohd Aris bin Anis & ²Ahmad Esa

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

¹arisjpm@gmail.com, ²ahmad@uthm.edu.my

ABSTRAK

Implikatur ditakrifkan sebagai suatu bentuk pentafsiran makna yang melangkaui makna lateral dalam sesebuah ujaran. Penggunaan implikatur dalam komunikasi bertujuan untuk melahirkan hasrat hati penutur kepada pendengar yang diujarkan dalam bentuk yang berbeza dari makna sebenar. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan penggunaan implikatur dalam kesantunan berbahasa berdasarkan ujaran yang terdapat dalam teks klasik. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan data korpus. Data diperolehi daripada teks klasik Sulalatus Salatin yang diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad dan dianalisis menggunakan Teori Relevans. Teori Relevans yang menggabungkan komunikasi dan kognisi sesuai digunakan dalam memahami implikatur yang terdapat dalam ujaran yang bersantun. Teori Relevans yang diaplikasikan dalam kajian ini membuktikan bahawa ujaran yang bermenifestasi sangat penting bagi mengelakkan salah faham dalam mendapatkan makna sebenar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan implikatur dalam ujaran sangat berkesan dalam melahirkan ujaran yang menunjukkan kesantunan berbahasa. Hal ini kerana dalam menyampaikan ujaran penggunaan implikatur dapat menjadikan sesuatu ujaran itu lebih berhemah dan tidak menyinggung perasaan orang lain. Kesimpulannya, penggunaan implikatur dalam ujaran memberi kesan optima kepada kesantunan berbahasa dan seterusnya mampu mengelakkan seseorang itu dianggap sombong, ego, tidak berbudaya dan tidak beradat.

Kata Kunci: implikatur, kesantunan berbahasa, Teori Relevans.

PENGENALAN

Implikatur merupakan salah satu aspek dalam bidang pragmatik yang semakin mendapat perhatian pengkaji-pengkaji yang menjalankan kajian tentang makna. Kajian mengenainya merangkumi pelbagai sudut, persepsi dan dimensi ilmu. Konsep implikatur adalah bertujuan untuk menghuraikan persoalan makna bahasa yang tidak dapat diselesaikan menggunakan teori semantik. Implikatur merupakan ilmu yang mengkaji pertuturan dalam konteks serta makna. Di samping itu, implikatur boleh ditafsirkan sebagai satu bentuk pentafsiran makna yang melewati makna lateral sesebuah ayat (Raja Shaharudin Raja Ahmad & Zaidatul Azma Zainon Hamzah, 2015). Oleh sebab kajian mengenai implikatur ini semakin mendapat tempat di hati pengkaji-pengkaji, terhasil pelbagai interpretasi terhadap implikatur. Walau bagaimanapun, kesemua ahli pengkaji berpandangan bahawa implikatur digunakan untuk menentukan makna yang disarankan oleh penutur berbeza dengan yang diungkapkan secara harfiah.

Sementara itu, Kesantunan berbahasa pula merupakan istilah yang digunakan untuk merujuk kepada penggunaan bahasa yang lembut, halus, dan menunjukkan penghormatan ketika berinteraksi dengan orang lain (Awang Sariyan, 2007). Budaya berbahasa yang mementingkan kesantunan berbahasa ini sewajarnya sentiasa diamalkan untuk mengelak daripada menyinggung perasaan orang lain. Oleh yang demikian, terdapat perkaitan yang rapat antara implikatur dan kesantunan berbahasa. Berdasarkan situasi ini, kajian yang dijalankan bertujuan melihat penggunaan implikatur dalam sesuatu komunikasi yang menunjukkan kesantunan berbahasa.

SOROTAN KAJIAN

Kajian tentang implikatur telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tempatan. Antara pengkaji yang aktif membincangkan implikatur termasuklah Nor Hashimah Jalaluddin (1992, 2007, 2012), Hawiyah Baba dan Nor Hashimah Jalaluddin (2015), Mary Fatimah Subet (2012, 2015) dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2011) dan Raja Shaharudin Raja Mohamad dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2015). Dalam kajian yang dilakukan oleh Nor Hashimah (2007), beliau mengkaji implikatur yang terdapat dalam bidang perniagaan. Hasil kajian beliau mendapati terdapat banyak implikatur semasa proses tawar menawar berlaku antara pembeli dan penjual. Penggunaan implikatur dalam proses tawar menawar ini disampaikan secara tersirat agar kedua-dua pihak tidak tersinggung. Kajian ini berjaya memperlihatkan penggunaan implikatur untuk menjaga adab

dan kesantunan dalam urusan harian mereka. Amirah Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin (2013) mengkaji implikatur dalam kes pembunuhan Noritta. Kajian yang dilakukan adalah untuk merungkai keraguan yang terkandung dalam dialog perbicaraan kes tersebut. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa percanggahan dan kecanggungan maklumat yang dikemukakan oleh saksi memberikan peluang kepada peguam bela memanipulasi keadaan sehingga menimbulkan keraguan kes. Kajian ini secara tidak langsung membuka satu dimensi baru dalam kajian berkaitan implikatur kerana menggunakan data mahkamah sebagai sumber kajian. Seterusnya, kajian berkaitan implikatur juga telah dilakukan terhadap penggunaannya dalam ceramah. Raja Shaharuddin dan Zaitul Azma (2015) mengkaji penggunaan implikatur medium penjelasan akidah. Dalam kajian ini, didapati bahawa penceramah menggunakan implikatur untuk menerangkan perkara-perkara abstrak berkaitan dengan akidah. Hasil kajian mendapati bahawa Penggunaan implikatur yang menepati konteks akan menghasilkan kefahaman yang jelas terutamanya dalam hal yang berkaitan dengan kepercayaan dan keimanan kepada Allah. Penceramah dan pendakwah perlu menguasai ilmu implikatur perbualan untuk memantapkan penyampaian ceramahnya kerana kemahiran dalam mengolah implikatur dalam hal yang berkaitan dengan akidah akan dapat menarik audiens mendekatkan diri dengan Allah. Ketiga-tiga kajian yang dibincangkan berbeza dari sumber dan dimensinya. Hal ini menunjukkan bahawa masih terdapat banyak ruang yang boleh diisi oleh pengkaji-pengkaji akan datang untuk menambahkan khazanah ilmu berkaitan implikatur.

Sementara itu, Kajian mengenai kesantunan berbahasa telah banyak dilakukan sama ada di barat atau dinegara kita. Antara pengkaji yang telah menjalankan kajian termasuklah Asmah Haji Omar (1992), Jamalilah Mohd Ali (1995), Zaitul Azma Zainon Hamzah (2006, 2012), Marlyna Maros, et.al (2010), Teo Kok Seong (2012), Nor Hashimah Jalaluddin (2012), Munif Zarirridin Fikri (2012), Nik Safiah Karim (2012), Mohammad Fazeli Jaafar (2012) dan Sara Beden dan Indirawati Zahid (2015)

Kajian berkaitan kesantunan berbahasa banyak berfokus kepada aktiviti berbahasa secara lisan. Kajian mengenainya dalam komunikasi yang terdapat dalam karya kreatif agak kurang dilakukan. Antara pengkaji yang telah membuat kajian ialah Sara Beden dan Indira wati Zahid (2015). Dalam kajiannya terhadap novel *Melunas Rindu*, mereka mendapati bahawa secara keseluruhannya watak-watak dalam novel ini memperlihatkan kesantunan berbahasa dalam komunikasi. Dalam

perbualan, didapati watak juga tidak mengabaikan kesepakatan dengan memberikan persetujuan melalui persetujuan secara langsung bagi memberikan respons terhadap permintaan, pertanyaan ataupun pandangan yang dikehendaki dan tindakan ini dapat melancarkan komunikasi di samping mengelakkan konflik.

Selain itu, Nor Hashimah (2012) mengkaji beberapa aspek kesopanan dan kesantunan dalam perbualan yang melibatkan peribahasa, bahasa klasik dan implikatur. Beliau menganggap ketiga-tiga ungkapan Melayu ini sebagai satu strategi berbahasa orang Melayu ketika berkomunikasi. Pemilihan objek dan lambang tertentu sebagai strategi dalam berbahasa memperlihatkan kebijaksanaan orang Melayu menyampaikan mesej secara halus dan tersirat. Menurut beliau lagi, mesej tersirat yang digunakan oleh masih dapat ditanggapi dan difahami oleh pendengar. Sehubungan dengan itu, Nor Hashimah menganggap ungkapan-ungkapan ini sebagai satu strategi yang bertujuan untuk mengekalkan aspek kesantunan dan kesopanan ketika berbicara.

Munif Zarirridin Fikri (2012), dalam kajian terhadap kesantunan berbahasa dalam al-Quran dan Hadis mendapati bahawa al-Quran dan hadis telah menyediakan matlamat, bentuk dan cara kesantunan Berbahasa yang sesuai untuk dijadikan panduan oleh semua pengguna bahasa. Penerapan pendekatan "*ahsan a-qawl*" melalui pemerihalan matlamat (amalan tauhidiah), penghuraian bentuk (leksikal dan amalan wacana) dan penghuraian cara kesantunan berbahasa (proses sosial) dalam analisis memperlihatkan bahawa kedua-dua sumber autentik ini meletakkan kesantunan berbahasa sebagai hubungan keimanan dan amal soleh yang mengikat manusia dengan Allah SWT dan mempertalikan manusia sesama manusia.

Pengkaji-pengkaji lain yang turut menyumbangkan kajian dalam bidang kesantunan berbahasa ini termasuklah Nik Safiah Karim dan Teo Kok Seong. Nik Safiah (2012), dalam kajiannya berkaitan *Kesantunan Berbahasa Dalam Konteks Pekerjaan: Perspektif Penggunaan Kata Ganti Nama* menyatakan bahawa walaupun kata ganti nama merupakan aspek kecil dalam bahasa Melayu, namun penggunaannya mempunyai implikasi sosial yang amat besar berkenaan dengan perhubungan antara ahli masyarakat. Beliau menegaskan, orang yang tidak menguasai penggunaan kata ganti nama diri dengan betul, termasuk penggunaan bentuk-bentuk panggilan sebagai ganti kepada kata ganti nama, bukan sahaja telah melanggar peraturan penggunaan bahasa Melayu, tetapi lebih daripada itu, mereka telah melanggar tatasusila dan kesantunan berbahasa dalam

masyarakat Melayu. Sementara Teo (2012) pula mendapati Cina Peranakan Kelantan telah mengasimilasikan aspek-aspek kesantunan berbahasa ini bukan sahaja dalam pertuturan mereka semasa berkomunikasi dengan Melayu Kelantan, tetapi juga dalam bahasa ibunda atau etnik mereka. Pengetahuan Cina Peranakan yang baik tentang sistem kesantunan berbahasa tidak dinafikan telah banyak membantu dalam menjayakan komunikasi mereka dengan Melayu Kelantan dengan berkesan. Sementara itu, Mohammad Fazeli (2012) dalam kajiannya terhadap *Aspek Permintaan Dan Hubungannya Dengan Kesantunan Berbahasa* mendapati bahawa bentuk permintaan pelajar di Malaysia adalah santun dan sangat variasi gaya penyampaian. Sesuatu permintaan sering diiringi dengan kata bantu untuk menyokong permintaan tersebut. Penanda permintaan santun seperti "*boleh*" kerap digunakan kerana ada makna keupayaan atau keizinan. Penggunaan permintaan secara tidak langsung menunjukkan nilai kesantunan yang tinggi kerana penutur meminta keizinan atau kesediaan daripada pihak pendengar tentang permintaan yang ingin disampaikan.

Kesimpulannya, implikatur dan kesantunan berbahasa sangat berkait rapat. Penggunaan implikatur dalam ujaran akan menjadikan sesuatu ujaran itu lebih bersantun. Perkaitan antara keduanya boleh dilihat bukan sahaja dalam data semasa (ujaran masa kini) malah boleh dilihat dalam data korpus yang bersumberkan kepada teks klasik Sulalatus Salatin. Justeru makalah ini akan menjelaskan bagaimana implikatur digunakan dalam ujaran yang memenuhi ciri-ciri kesantunan berbahasa.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan data teks kerana penggunaan bahan bertulis merupakan salah satu sumber primer untuk mengkaji ujaran masyarakat Melayu. Dengan menjadikan teks sebagai data primer merupakan antara langkah yang bijak untuk mengkaji ujaran masyarakat Melayu kerana sebuah teks mengandungi, aplikasi bahasa, pencitraan aksi, kejadian, watak, latar dan sebagainya dan semua aspek itu berperanan dalam menyampaikan pemikiran dan makna karya (Mana Sikana, 2008). Pengungkapan kenyataan dan permasalahan yang terjadi dalam sesebuah masyarakat itu dianggap cerminan, pantulan atau pembayangan semula hal atau objek yang benar-benar wujud atau pernah wujud yang mengarah kepada sifat-sifat lahiriah dan konkrit (Ramli Isin, 1997). Teks yang dipilih ialah Teks Sulalatus Salatin yang diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad (2013). Teks ini berlatarkan zaman klasik dan isu yang dikupas ialah

implikatur dalam ujaran yang menunjukkan kesantunan Berbahasa. Data ini akan dianalisis menggunakan Teori Relevans.

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan tiga kaedah iaitu kajian keputakaan, analisis teks dan juga kualitatif. Kajian keputakaan melibatkan pembacaan serta pengumpulan bahan-bahan yang berkaitan dengan fokus kajian. Sumber yang digunakan termasuklah buku, jurnal, akhbar, latihan ilmiah dan kertas kerja seminar. Analisis teks pula melibatkan pembacaan secara teliti dan mengeluarkan dialog atau ujaran dalam bab yang dipilih. Dalam makalah ini data yang dikaji adalah ujaran berimplikatur yang terdapat dalam bab satu. Ujaran yang dipilih pula merupakan ujaran yang berkaitan dengan fokus kajian. Seterusnya data yang dipilih dianalisis dalam tiga peringkat. Menurut Nor Hashimah (2007), peringkat pertama ialah analisis semantik. Pada peringkat ini tiap-tiap contoh akan diberikan bentuk logik. Pada peringkat ini, interpretasi makna masih belum selesai dan masih berada pada tahap ilmu linguistik. Kemudian, bentuk-bentuk logik ini akan dicarikan piawai implikturnya. Pada tahap ini, kajian dibuat tentang gambaran yang berlaku di tahap minda pendengar dan bagaimana maklumat yang diperoleh di peringkat semantik diolah bersama-sama dengan andaian latar belakang pendengar berdasarkan konteksnya untuk melahirkan kesan konteksnya pula akan diteroka.

Pada peringkat kedua analisis, piawaian implikatur akan membekalkan andaian implikatur dan kesimpulan implikatur. Andaian implikatur terbentuk apabila kesan konteks telah diperoleh daripada sesuatu ujaran seterusnya kesimpulan implikatur akan dihasilkan. Analisis sampai di peringkat ketiga apabila piawai implikatur telah terbentuk. Analisis pada tahap ini merupakan tahap analisis pragmatik. Pada peringkat ini, segala maklumat bukan linguistik akan digunakan untuk membantu interpretasi makna dengan sepenuhnya. Untuk mengukuhkan lagi makna sebenar yang diperoleh, Teori Relevans mencadangkan penggunaan konsep ad hoc dan Rangka Rujuk Silang (RRS). Kedua-dua konsep ini digunakan secara serentak akan menghasilkan satu interpretasi makna yang jitu.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Implikatur merupakan bentuk bahasa yang unik kerana pemahaman terhadapnya tidak boleh diperoleh melalui makna perkataan itu sendiri sebaliknya pendengar perlu melakukan interpretasi semantik dan inferensi pragmatik. Dalam TR, pemahaman implikatur tidak boleh berpanduan

kepada makna harfiah semata-mata, sebaliknya dikawal oleh relevans yang optimum. Oleh yang demikian, dalam usaha memproses makna sebenar implikatur, pendengar perlu memastikan mereka memperoleh relevans optimumnya terlebih dahulu. Apabila pendengar telah berjaya mencapai relevans optimum, pendengar akan berhenti memproses maklumat. Sehubungan dengan itu, penutur mesti meramalkan pendengarnya akan berjaya mencari andaian implikatur dan membuat kesimpulan implikatur bagi mencari makna sebenar implikatur. Dalam usaha membina andaian implikatur dan membentuk kesimpulan implikatur pendengar perlu sentiasa merujuk kepada konteks. Seterusnya konsep ad hoc dan RRS digunakan secara serentak untuk mendapatkan makna sebenar. RRS mengizinkan pendengar merujuk mana-mana anteseden atau premis tambahan bagi memperkayakan konteks ujaran. Keberkesanan penggunaan implikatur ini banyak dipengaruhi oleh kebijaksanaan kedua-dua belah pihak memanipulasi konteks dan pengetahuan latar belakang yang sama kerana implikatur memerlukan pemahaman yang jauh lebih halus (Hawiyah & Nor Hashimah 2015). Dalam kajian ini terdapat 18 ujaran berimplikatur yang dikesan dalam bab 1 teks Sulalatus Salatin. Untuk makalah ini hanya satu ujaran berimplikatur akan dihuraikan secara tuntas.

- (1). Maka kata Citram Syah, “Aku anak yang tua dirajakannya pada negeri kecil; baiklah aku *membuang diriku*.”

Dalam menginterpretasikan makna implikatur, proses pertama yang dilakukan oleh pendengar ialah pengekodan. Ujaran yang disampaikan oleh penutur adalah ujaran kasar untuk membantu pendengar memahami hajat penutur. Dalam ujaran (1), pendengar akan mengenkodkan konsep “membuang” sebagai fokus untuk memahami implikatur “membuang diriku”. Leksikal “membuang” dalam ensiklopedia memberi gambaran tentang perbuatan mencampakkan sesuatu ke tempat buangan. Ungkapan “membuang diriku” jika diterjemahkan dalam bentuk logiknya ialah mencampakkan diri ke tempat pembuangan. Perbuatan “membuang” biasanya dilakukan oleh orang lain terhadap sesuatu benda. Jadi ungkapan “membuang diriku” merupakan implikatur yang memerlukan tafsiran lanjut untuk mendapatkan makna. Oleh yang demikian pendengar tidak boleh menghentikan penginterpretasian setakat itu sahaja kerana makna yang terhasil tidak menunjukkan apa-apa. Pendengar perlu membuat interpretasi lanjutan terhadap ungkapan tersebut. Dalam Teori Relevans (TR) pendengar akan memastikan usaha memproses maklumat rendah tetapi kesan kognitif yang tinggi akan menghasilkan interpretasi yang selaras dengan hasrat penutur. Dalam ujaran (1) proses pemahaman diteruskan dengan mengaplikasikan konsep ad hoc peluasan. Konsep

“*membuang diri*” diperluaskan kepada membawa diri ke tempat lain kerana kecewa, merantau, merantau ke tempat yang tidak diketahui dan meninggalkan tempat kediaman asal. Andaian-andaian lain yang relevan dan konsep-konsep lain yang mampu membekalkan maklumat untuk peluasan ungkapan tersebut juga sentiasa dicari. Andaian-andaian terus dicari untuk membentuk andaian implikatur yang relevan dengan ujaran berkenaan. Pendengar perlu merujuk kepada konteks ayat supaya andaian-andaian implikatur yang dibina tepat. Dalam ujaran (1) konteks ujaran adalah penilaian yang dibuat tentang dirinya sendiri: *Aku anak yang tua dirajakannya pada negeri kecil*. Sebagai anak yang tua (sulong) beliau merasakan dirinya tidak sepatutnya dilantik menjadi raja di negeri yang kecil. Lanjutan daripada proses ini, terbinalah beberapa andaian implikatur yang dapat dijadikan rujukan untuk mencari makna “*membuang diriku*”.

- (a) Maka kata Citram Syah, “*Aku anak yang tua dirajakannya pada negeri kecil; baiklah aku membuang diriku.*”
- (b) Analisis semantik
Bentuk logik
Aku anak yang tua dirajakannya pada negeri kecil; baiklah aku membuang diriku.
Aku anak yang tua dirajakannya pada negeri kecil; baiklah aku _____ (mencampakkan diri)
- (c) Piawai Implikatur
Andaian Implikatur : membawa diri ke tempat lain kerana kecil hati
: merantau ketempat yang tidak diketahui
: Meninggalkan tempat kediaman asal

Berdasarkan petikan (a) adalah ujaran harfiah yang diujarkan oleh penutur. (b) adalah bentuk logik kepada (a). (c) merupakan andaian yang terbina daripada konteks. Andaian-andaian yang terhasil ini membantu pendengar memperoleh makna sebenar. Perkataan “*membuang*” menurut Kamus Dewan (2010) bermaksud mencampakkan atau melemparkan. Pada dasarnya benda-benda yang dibuang ialah benda-benda yang sudah tidak boleh digunakan dan tidak memberi apa-apa manfaat jika disimpan. Dalam konteks ayat (1) benda yang dibuang ialah “*diriku*”. *Diri* bermaksud batang tubuh, empunya badan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Perbuatan membuang biasanya dilakukan oleh orang lain terhadap sesuatu benda. Tetapi dalam hal, tindakan itu dilakukan sendiri oleh yang empunya badan. Ungkapan “*membuang diri*” ini diinferensikan dengan membawa diri ketempat lain kerana kecewa, merantau ke tempat yang tidak diketahui dan meninggalkan tempat kediaman. Perbuatan *membuang “diri”* boleh berlaku kerana merasakan diri tidak dihargai, dibenci dan rasa tidak

diperlukan lagi. Dalam konteks ujaran ini, konsep “*membuang diri*” merupakan perbuatan orang yang kecewa. Rasa kecewa ini timbul kerana sesuatu hajat atau cita-cita tidak tercapai.

Proses pencarian makna dalam ujaran diteruskan dengan menggunakan RRS. RRS mengizinkan pendengar merujuk konteks sebelum dan selepas ujaran mahupun konteks keseluruhan teks untuk membantu pendengar memperoleh makna yang diinferensikan (Hawiyah & Nor Hashimah, 2015).



(1) Aku anak yang tua dirajakannya pada negeri kecil; baiklah aku *membuang diriku*.”

Berdasarkan ayat (1) Raja Citram Syah tidak menyatakan rasa kecewanya tetapi perkataan “*anak yang tua*” bermaksud anak sulung atau anak pertama dari sesebuah keluarga. Anak sulung mempunyai banyak keistimewaan dan sering diberi kepercayaan oleh keluarganya. “*Dirajakannya pada negeri kecil*” menunjukkan rasa tidak puas hati kerana sebagai anak sulung beliau sepatutnya dilantik menjadi raja di negeri yang besar. Perasaan ini menyebabkan beliau berkecil hati dan membawa diri ke tempat lain. Kedua-dua frasa ini menjadi maklumat tambahan kepada makna sebenar yang ingin disampaikan. Hal ini mengembangkan konteks yang sedang dibicarakan. Kesan konteks yang tinggi akan dapat merendahkan kos memproses maklumat dan seterusnya ujaran itu akan menjadi ujaran yang relevan untuk diinterpretasikan. Dalam ayat (1), konsep *anak yang tua* dan *dirajakan pada negeri kecil* mengukuhkan lagi konsep *membuang diri*. Perbuatan membawa diri ke tempat lain merupakan andaian implikatur. Apabila andaian implikatur telah terbentuk maka kesimpulan implikatur akan dapat dihasilkan. Kesimpulan implikatur dalam ujaran ini ialah kecewa.

Implikatur dan Kesantunan Berbahasa

Salah satu aspek kesantunan dalam berbahasa orang Melayu adalah melalui mesej tersirat atau makna implikatur (Nor Hashimah, 2012). Masyarakat Melayu terkenal sebagai masyarakat yang santun, lemah lembut, mesra dan berbudi bahasa. Bahasa yang halus berkait rapat dengan sistem kognitif sesuatu bangsa itu (Noriati Rashid, 2012). Melalui bahasa yang digunakan oleh masyarakat itu mampu memperlihatkan cara anggota masyarakat itu berfikir, menghormati seorang serta mengaturkan perjalanan hidup sebagai bangsa yang bermaruah. Penggunaan bahasa halus ini memberikan gambaran tentang budaya orang Melayu berkomunikasi dengan tujuan

untuk menunjukkan rasa hormat santun dalam setiap pertuturan. Di samping itu sikap orang Melayu yang sering menyampaikan sesuatu hajat itu secara tersirat juga melambangkan sikap orang melayu yang bersantun ketika berbicara. Berdasarkan ayat (1) bahasa yang digunakan adalah bahasa klasik. Bahasa klasik berbeza dengan dengan bahasa yang digunakan masa kini. Bahasa Klasik dapat dikesan daripada karya agung yang menjadi kebanggaan orang Melayu. Dalam karya agung terselit banyak penggunaan implikatur di dalamnya dan penggunaan implikatur ini menambahkan seni berbahasa orang Melayu. Kesantunan berbahasa ditunjukkan dengan jelas oleh Raja Citram Syah untuk menunjukkan rasa kecewanya terhadap tindakan ayahandanya yang tidak melantik beliau sebagai raja di negeri yang besar sebaliknya beliau hanya dilantik menjadi raja di negeri yang kecil. Sebagai anak sulung beliau merasakan beliau lebih berhak menjadi raja di negeri yang besar. Perasaan kecewanya dilahirkan dengan menyatakan *baiklah aku membuang diriku*. Kata-kata ini walaupun mempunyai makna tersirat (implikatur) masih boleh difahami. Ujaran ini juga menunjukkan kemampuan Raja Citram Syah menggunakan bahasa yang halus dan lembut yang memenuhi ciri-ciri kesantunan berbahasa. Oleh yang demikian, implikatur yang digunakan dalam ujaran mampu menambahkan lagi kesantunan berbahasa seseorang ketika berbicara.

KESIMPULAN

Implikatur merupakan seni berbahasa orang Melayu yang masih digunakan dengan meluas hingga hari ini. Implikatur berkait rapat dengan kesantunan berbahasa. Bahasa yang santun adalah bahasa yang tidak menyinggung perasaan orang yang diajak berbicara. Matlamat yang penting adalah mesej yang hendak disampaikan menemui sasarannya. Kebijaksanaan orang menggunakan, menyelindungi mesej yang hendak disampaikan menjadikan bahasa yang digunakan memerlukan tafsiran yang mendalam untuk mendapatkan mesej sebenar. Namun begitu, perkara atau mesej yang hendak disampaikan jarang tidak difahami oleh pendengar. Dalam setiap ujaran masyarakat Melayu sering terpapar kesantunannya. Kesantunan berbahasa akan lebih terserlah dengan penggunaan implikatur yang mengiringi sesuatu ujaran.

RUJUKAN

- Amirah Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin 2013. Implikatur dalam Kes "PembunuhanNoritta": Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, 13(1), 20-38
- Awang Sariyan. 2007. *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Ahmad. 2013 . *Sulalatus Salatin. Edisi Pelajar*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asmah Haji Omar .1992. Kajian dan Perkembangan Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hawiyah Baba dan Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. Nilai Melayu dalam Simpulan Bahasa: Analisis Pragmatik. SEMINAR LINGUISTIK KEBANGSAAN (SLiK2015)"*Pelestarian dan Perekayasaan Bahasa*"Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 20 - 21 Januari 2015.
- Jamaliah Mohd Ali. 1995. The Pragmatics of Cross-Cultural Communication in a Malaysian Context. dlm. Zainab Abdul Majid dan Loga Baskaran (ed.). Rules of Speaking. Petaling Jaya: Pelanduk Publication.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. 2008. Sejarah Kesusasteraan Melayu: Drama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mary Fatimah Subet. 2012. Mary Fatimah Subet (2012), Teori Relevans dalam Personifikasi, dalam Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Norsimah Mat Awal, Harishon Radzi (Eds.). *Pemantapan dan Pembinaan Ilmu Linguistik Berasaskan Korpus* (pg 207-223). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mary Fatimah Subet. 2015. Sajak Pelacur Tua: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, 15(2), 113-142.
- Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar dan, Jaafar dan Maslida Yusof. 2012. Kesantunan Berbahasa dari Segi Teori dan Aplikasi. dlm. Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar & Maslida Yusof . *Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohammad Fadzeli Jaafar. 2012. Aspek Permintaan dan Hubungannya dengan kesantunan Berbahasa . dlm. Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar & Maslida Yusof (ed.). *Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Munif Zarirruddin Fikri Nordin. 2012. *Analisis Wacana Prinsip Kesantunan Bahasa dalam al-Quran dan Hadis* " dlm. Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar & Maslida Yusof . Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. 2012. Kesantunan Berbahasa Dalam Konteks Pekerjaan: Perspektif Penggunaan Kata Ganti nama. dlm. Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar & Maslida Yusof . *Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin.1992. Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2007. *Bahasa Dalam Perniagaan. Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2012. Kesantunan Berbahasa: Meneroka Minda Melayu. dlm. Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar & Maslida Yusof. *Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriati Rashid. 2012. Kesantunan- Menyingkap Konsep Melalui Model-modelnya. dlm. Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar & Maslida Yusof. *Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Shaharudin Raja Mohamad dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2015. Penggunaan Implikatur Sebagai Medium Penjelasan Akidah. *Jurnal Linguistik* Vol. 19(2) Disember. 2015 (001 -009).
- Ramli Isin. 1997. *Novel Melayu Mutakhir: Tema dan Persoalan Karya*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Sara Beden dan Indirawati Zahid. 2015. Analisis Kesopanan Bahasa Dalam Novel Melunas Rindu: Aplikasi Maksim Leech Dan Grice. *Jurnal Bahasa* , 15(1), 143-172.
- Teo, K. S. 2012. "Kejayaan Komunikasi Cina-Melayu: Kes Cina Peranakan Kelantan yang Mengamalkan Kesantunan Bahasa Melayu" dlm. Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar & Maslida Yusof. *Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2006. *Memahami Pertuturan Kanak-kanak Melalui Analisis Pragmatik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah.2012. Kesantunan dan Strategi Berbahasa dalam Konteks Pendidikan. dlm. Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar & Maslida Yusof. *Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.